

KEBERKESANAN PAGAR PENGADANG DI TAPAK PEMBINAAN

LAU SIEW MENG

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI, 2008

ABSTRAK

Pagar pengadang merupakan struktur sementara yang penting di tapak pembinaan. Ia memainkan peranan yang penting untuk menjamin keselamatan tapak, pekerja dan orang awam. Tanpa pagar pengadang yang mengikut piawai di tapak pembinaan akan mewujudkan banyak perkara yang tidak diingini. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pagar pengadang di tapak pembinaan mengikut pandangan pihak-pihak yang terlibat dalam pembinaan di tapak pembinaan. Kajian seumpama ini penting bagi menyedarkan pihak kontraktor tentang kepentingan pagar pengadang didirikan di sekeliling tapak pembinaan. Bagi menjayakan usaha ini, satu kajian telah dilakukan ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti pembinaan dan ditumpukan kepada tapak yang mempunyai pagar pengadang. Kajian ini hanya tertumpu di sekitar Skudai, Johor Bahru sahaja. Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah secara temubual ringkas dan borang soal selidik. Ini diperlukan bagi membantu penyelidik mendapat gambaran jelas masalah-masalah yang dihadapi jika pagar pengadang tidak didirikan di sekeliling tapak pembinaan. Dari analisis yang dijalankan, terbukti bahawa pagar pengadang adalah sangat berkesan untuk menandakan keluasan dan sempadan tapak, menghalang pemandangan buruk, menghalang pencerobohan awam, menjaga keselamatan pekerja, dan menjaga keselamatan orang awam. Selain itu, pagar pengadang juga adalah berkesan untuk menjaga keselamatan tapak dan mengelakkan kecurian berlaku di tapak bina tetapi tidak berkesan untuk menghalang kebisingan dan habuk tersebar ke penduduk sekitarnya.

ABSTRACT

Hoarding is a very important temporary structure at construction sites. It plays a very important role to ensure safety of the site, workers and public. Hoarding which is erected not according to standard could bring a lot of problems to construction sites. This study is to identify the level of efficiency for hoarding at construction sites. This study is also important for the contractor to realize how important hoarding is at construction sites. The study was conducted among parties who involved in construction activities on the construction sites which have hoarding around it. The scope of research is Skudai, Johor Bahru. Through interviews and questionnaires, the analysis has shown that hoarding is very efficient to mark the boundary of construction sites, to obstruct vision, to prevent trespasser, to ensure workers' safety and to ensure public safety. Besides that, hoarding is also efficient to ensure site safety and to prevent theft but not efficient to obstruct noise and dust to the surrounding environment.